

Ruj. Kami: UPMH/ET/02/2/2.7

Tarikh: 29 Jun 2017

Semua Pelajar (Seperti di lampiran)  
Program Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Putra Malaysia

Tuan/Puan,

## PEPERIKSAAN AKHIR (GANTIAN) SEMESTER KEDUA 2016/2017 BAGI PROGRAM PENDIDIKAN JARAK JAUH

Sukacita saya merujuk kepada perkara di atas, dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Peperiksaan Akhir (Gantian) Semester Kedua 2016/2017 telah dijadualkan pada **10 & 11 Julai 2017 (Isnin & Selasa)** di Kampus UPM Serdang.

Sehubungan dengan ini, pihak UPM Education & Training menyokong agar tuan/puan mendapatkan cuti tanpa rekod daripada Ketua Jabatan atau majikan masing-masing bagi menghadiri peperiksaan gantian berkenaan.

Semua pelajar adalah diwajibkan untuk membawa **Slip Pendaftaran Kursus** semester terkini ketika peperiksaan dijalankan sebagai rujukan dan semakan **kod kursus** dan **pusat pembelajaran**. Pelajar juga diingatkan untuk mematuhi peraturan berpakaian seperti yang telah ditetapkan dalam petikan Akta Universiti dan Kolej 1971 (Arahan Am Peperiksaan).

Sekian, untuk makluman dan tindakan tuan/puan.

Yang benar,

*UPM Education & Training*



**SAKINAH BINTI SAAD**  
Eksekutif Unit Akademik